

06 OCT 1997

Mahathir-Pulang (Bergambar)

MAHATHIR PULANG SELEPAS LAWATAN 12 HARI KE AMERIKA LATIN

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed diberi sambutan meriah ketika pulang ke tanah air petang ini selepas melakukan lawatan 12 hari ke Caribbean dan Amerika Latin.

Pesawat khas Penerbangan Malaysia (MAS) yang membawa Dr Mahathir dan rombongannya tiba di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dekat sini pukul 4.45 petang.

Antara yang hadir di lapangan terbang untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri ialah menteri Kabinet termasuk Menteri Penerangan Datuk Mohamad Rahmat, Menteri Tenaga Manusia Datuk Lim Ah Lek, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh dan Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

Dr Mahathir diiringi semasa lawatan itu oleh delegasi rasmi termasuk Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu dan kumpulan ahli perniagaan diketuai Pengarah Urusan YTL Corp Berhad Tan Sri Francis Yeoh.

Perdana Menteri berlepas ke Havana pada 24 Sept untuk lawatan dua hari ke Cuba.

Semasa di Cuba, Dr Mahathir mengadakan pertemuan satu sama satu dengan Presiden Fidel Castro dan menyaksikan penandatanganan beberapa perjanjian termasuk mengenai penghapusan syarat visa.

Beliau singgah di Madrid semasa dalam penerbangan ke Havana dan mengunjungi rakan sejawatannya di Sepanyol Jose Maria Aznar.

Selepas melawat Cuba, Dr Mahathir ke Chile dan menghadiri persidangan ke-12 Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) di Santiago.

Dari Santiago, beliau terus ke Montevideo, Uruguay untuk lawatan rasmi selama dua hari dan diikuti dengan lawatan ke Argentina selama tiga hari.

Dr Mahathir dijadual mengadakan persidangan akhbar di lapangan terbang.

-- BERNAMA

ES NMO